

**PENILAIAN SEMULA KEBERKESANAN PUSAT
KEHIDUPAN BERDIKARI (INDEPENDENT
LIVING CENTRE) ORANG KURANG UPAYA
(OKU) DI LEMBAH KLANG**

Perunding/Penyelidik

Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor

RINGKASAN EKSKLUSIF

Program perkhidmatan Pusat Kehidupan Berdikari (*Independent Living Centre*) (ILC) kepada Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebuah program yang menawarkan perkhidmatan asas untuk memperkasakan komuniti OKU di Malaysia. Program ini memberi tumpuan kepada aspek penentuan matlamat kendiri dan kemahiran kehidupan berdikari supaya komuniti OKU lebih bersedia untuk memulakan kehidupan sehari-hari. Berdasarkan hal ini, komuniti OKU memiliki tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dan mereka diberi penghormatan sebagai individu dalam masyarakat di negara ini. Program perkhidmatan dalam ILC menawarkan perkhidmatan kepada komuniti OKU terutamanya yang tinggal berhampiran dan dalam kalangan mereka sendiri termasuk yang mengalami kurang upaya tahap teruk atau severe impairment. Ia turut menyasarkan kumpulan yang ingin memulakan kehidupan secara berdikari yang telah lama berada dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Menerusi objektif penubuhan program perkhidmatan ILC adalah untuk membantu komuniti OKU dapat hidup berdikari dalam masyarakat dan menjadi sumber informasi untuk komuniti berkenaan memperoleh segala maklumat dan perkhidmatan berorientasikan isu ketidakupayaan. Selain itu, program perkhidmatan ini juga menjadikan lokasi kepada mereka memperoleh semula perkhidmatan yang diperlukan dan keyakinan diri untuk kembali dalam masyarakat. Program perkhidmatan ILC menggalakkan dan mempercepatkan lagi proses pembangunan untuk komuniti OKU daripada sudut pemerkasaan (empowerment) dan pengupayaan (enablement) dengan penyertaan penuh melalui program advokasi. Ia juga menjadi pusat rujukan maklumat dan pembangunan bagi komuniti OKU yang melibatkan isu ketidakupayaan kepada kerajaan Malaysia mahupun pihak swasta. Program perkhidmatan ini ditubuhkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) (2016-2020) menerusi pengenalan tujuh buah lokasi program perkhidmatan ILC dinyatakan di bawah Strategi B6. Dua buah program perkhidmatan ILC sedia ada telah mula beroperasi pada tahun 2019 iaitu ILC MILAD di Petaling Jaya, Selangor dan ILC@PLPP di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi, Selangor. Program perkhidmatan ILC adalah untuk semua kategori OKU dan perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan kaunseling rakan sebaya untuk mengikuti program hidup berdikari, perkhidmatan pembantu peribadi, perkhidmatan sokongan, informasi dan advokasi. Melalui program perkhidmatan ILC, lebih ramai pembantu peribadi (PA) akan dilatih dalam membantu komuniti OKU dan secara tidak langsung ia akan dapat membantu mereka memulakan hidup berdikari serta mampu keluar dan berada bersama-sama dengan masyarakat normal yang lain. Penubuhan program perkhidmatan ILC telah memberi impak yang positif

kepada komuniti tersebut. Sehingga tahun 2020, seramai 1,004 komuniti OKU telah mendapat manfaat dalam beberapa program dan polisi program perkhidmatan ILC termasuk perkhidmatan PA, kaunseling rakan sebaya serta Program Hidup Berdikari (PHB) yang ditawarkan di lokasi-lokasi terpilih.

Tujuan dijalankan penyelidikan ini adalah untuk melihat semula keberkesanan program perkhidmatan ILC di lokasi-lokasi yang memberi perkhidmatan ini di Lembah Klang sebagai sebuah program yang menawarkan perkhidmatan asas untuk memulakan kehidupan berdikari kepada komuniti OKU. Selain itu, kajian ini dilakukan bagi memberi input tambahan atau penambahbaikan program perkhidmatan ini dan seterusnya, dapat memberi idea menambahkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan bermanfaat kepada komuniti OKU dalam usaha memperkasakan komuniti OKU Malaysia.